

# KEMBARA SISWA

» Program  
memperkukuh  
jati diri sebagai  
pemimpin • V8

# MAULA SHARFAN

» KELEBIHAN DALAM PELBAGAI  
BIDANG DITEROKA BUKAN  
SEKADAR RUPA • V5

**BH**  
Berita Harian

# UNIVERSITY VARSITI



# 35 IPT cemerlang

» Pengiktirafan SETARA **bukti**  
**keunggulan** universiti disenaraikan

Oleh Khairina Yasin  
kayrina@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

**G**ambaran sebenar kedudukan dan kualiti institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan dapat dinilai menerusi pengiktirafan Sistem Penilaian Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) 2011 yang diumumkan, baru-baru ini.

Dengan peningkatan jumlah IPT yang menerima pengiktirafan cemerlang iaitu 35 IPT berbanding 19 IPT pada 2009, ia cukup meyakinkan masyarakat khususnya calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) memilih IPT terbaik untuk meneruskan pengajian peringkat tinggi.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata peningkatan pencapaian UUM dalam SETARA daripada Tier 4 kepada Tier 5 membuktikan keupayaan universiti itu dalam meletakkan kualiti pada tahap yang tertinggi.

“Kita yakin dengan pendekatan dan strategi yang komprehensif, tidak mustahil kita mampu mencapai Tier 6 pada penilaian akan datang dengan komitmen

jitu warga akademik memantapkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

## Tingkatkan mutu universiti

“Paling penting, agenda pengantarabangsaan universiti dapat direalisasikan bagi membuka peluang kepada aktiviti akademik dan penyelidikan bersifat global,” katanya mengulas pengumuman Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin mengenai hasil penilaian SETARA, di Shah Alam, baru-baru ini.

IPT awam (IPTA) yang menerima pengiktirafan cemerlang termasuk Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Utara Malaysia.

IPT swasta yang menerima pengiktirafan sama antaranya Universiti Multimedia, Universiti Kuala Lumpur, Universiti Teknologi Petronas, Kolej Universiti Sunway, Universiti Teknologi Curtin Kampus Sarawak, Universiti Monash Kampus Sunway, Kolej Universiti Taylor’s dan Kolej Universiti Nilai.

## Kenal pasti kelemahan

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi,